

TRINOLONE CREAM

Triamcinolone (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Trinolone Cream
2. Bagaimana Trinolone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Trinolone Cream
4. Cara menggunakan Trinolone Cream
5. Semasa menggunakan Trinolone Cream
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Trinolone Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Trinolone Cream

Ia digunakan untuk rawatan masalah kerdangan kulit akut atau kronik seperti neurodermatitis setempat, psoriasis, dermatitis atopik atau seboreik, fasa radang kekeringan kulit yang abnormal dan kegatalan pada dubur dan kemaluan.

Bagaimana Trinolone Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah triamcinolone, adalah flukokortikoid sintetik dan mempunyai kesan anti-radang, hormon dan metabolismik yang kuat.

Sebelum menggunakan Trinolone Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Trinolone Cream jika anda hypersensitif kepada triamcinolone atau kortikosteroid lain atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- Sebelum menggunakan Trinolone Cream

Penyerapan sistemik kortikosteroid topikal telah menghasilkan penekanan kelenjar adrenal berbalik menyebabkan manifestasi sindrom Cushing, paras gula darah tinggi dan kehadiran gula dalam air kencing.

Kedua-dua yang meningkatkan penyerapan sistemik termasuk penggunaan steroid yang lebih kuat, penggunaan pada kawasan permukaan yang besar, penggunaan yang berpanjangan, dan tambahan balutan oklusif

Maka, doktor anda akan merancang beberapa ujian untuk keadaan ini. Jika penekanan kelenjar adrenal dikenal pasti, doktor anda akan menghentikan penggunaan ubat, mengurangkan kekerapan aplikasi, atau untuk mengantikan dengan steroid yang kurang kuat.

Penggunaan pada kanak-kanak

Kanak-kanak mungkin menunjukkan kecenderungan yang lebih besar untuk mengalami sindrom Cushing dan penekanan kelenjar adrenal yang disebabkan oleh topikal kortikosteroid daripada orang dewasa kerana nisbah kawasan permukaan kulit kepada berat badan yang lebih besar.

Manifestasi penekanan kelenjar adrenal pada kanak-kanak termasuk terencat pertumbuhan, berat badan bertambah lambat, tahap plasma kortisol rendah, dan tiada tindak balas kepada beberapa rangsangan hormon.

Peningkatan tekanan darah di dalam otak telah dilaporkan pada kanak-kanak yang menerima topikal kortikosteroid.

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan Trinolone Cream. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor.

Cara menggunakan Trinolone Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Kegunaan topikal.

Satu lapisan nipis krim digunakan pada kulit yang terjejas satu hingga tiga kali sehari. Dos sekali atau dua kali sehari selalunya berkesan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Trinolone Cream apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk menggunakan Trinolone Cream dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Trinolone Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, iritasi atau jangkitan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Trinolone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan-sesan sampingan adalah gatal, menyengat, rasa pedih, kekeringan, radang folikel, pertumbuhan rambut yang tidak normal, jerawat, pencerahan kulit, ruam di sekeliling mulut, keradangan kulit sentuhan alahan, melembutkan warna kulit, jangkitan sekunder, penipisan kulit, tanda regangan dan ruam panas.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Trinolone Cream

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih dah licin.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Triamcinolone

- Bahan- bahan tidak aktif

- White Soft Paraffin
- Ethylene Diaminetetraacetate
- Chlorocresol Propylene Glycol
- Cetostearyl Alcohol
- Deionised Water
- Cetomacrogol 1000

- Nombor MAL

MAL19910856A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman

Perindustrian Tampoi Indah, 81200

Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman

Perindustrian Tampoi Indah, 81200

Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

31/12/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)291215/00512